

D.R. 30/92

Naskah Sahih—Bab II, III, IV dan V
—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN
(No. 2) 1992

SUSUNAN FASAL

BAB I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas.
2. Pindaan dan pemansuhan.

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

3. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.
4. Pindaan seksyen 34.
5. Seksyen baru 60F.
6. Pindaan seksyen 108.
7. Pindaan seksyen 109.
8. Pindaan seksyen 110.
9. Pindaan Jadual 1.
10. Pindaan Jadual 6.

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

11. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Setem 1949.
12. Pindaan seksyen 9.
13. Penggantian seksyen 12A.
14. Pindaan Jadual Pertama.

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 1991

Fasal

15. Pindaan seksyen 3.

BAB V

PEMANSUHAN DAN KECUALIAN AKTA CUKAI PENDAPATAN
TAMBAHAN 1967

16. Pemansuhan dan kecualian Akta Cukai Pendapatan
Tambahan 1967.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949 dan Akta Kewangan 1991, dan untuk memansuhkan Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAB I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan (No. 2) 1992. Tajuk ringkas.
2. (1) Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949 dan Akta Kewangan 1991 adalah dipinda mengikut cara yang dinyatakan masing-masingnya dalam Bab II, III dan IV. Pindaan dan pemansuhan. Akta 53. Akta 378. Akta 451
- (2) Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967 adalah dimansuhkan mengikut cara yang dinyatakan dalam Bab V. Akta 54.

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

3. (1) Kecuali seksyen 4, 6(b) dan 7, Bab ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1993 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.
- (2) Seksyen 4 hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1994 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(3) Seksyen 6 (*b*) hendaklah disifatkan telah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1989.

(4) Seksyen 7 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 30hb Oktober 1992.

Pindaan
seksyen 34.

4. Seksyen 34 Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disbut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda, dalam subseksyen (6)—

- (a) dengan memotong perkataan "and" di hujung perenggan (*d*);
- (h) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (*e*) dengan tanda baca dan perkataan "; and"; dan
- (c) dengan memasukkan, selepas perenggan (*e*), perenggan yang berikut:

"(f) an amount equal to the expenditure incurred by the relevant person in the relevant period in respect of translation into or publication in the national language of cultural, literary, professional, scientific or technical books approved by the Dewan Bahasa dan Pustaka."

Seksyen
baru60E

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 60E, seksyen yang berikut:

"Inves-
ment
holding
company. 60F. (1) Where an investment holding company is resident for the basis year for a year of assessment there shall be deducted in arriving at the total income before any deduction falling to be made under section 44(1)(c) an amount in respect of expenses incurred by that company in the basis period for that year of assessment, which amount shall be determined in accordance with the formula—

$$\frac{A \times B}{4C}$$

- where A is the total of the permitted expenses incurred for that basis period reduced by any receipt of a similar kind;
- B is the gross income consisting of dividend, interest and rent chargeable to tax for that basis period; and
- C is the aggregate of the gross income consisting of dividend (whether exempt or not), interest and rent, and gains made from the realisation of investments for that basis period:

Provided that—

- (a) the amount of deduction to be made shall not exceed five per cent of the gross income consisting of dividend, interest and rent for that basis period; and
- (b) where, by reason of an absence or insufficiency of aggregate income for that year of assessment, effect cannot be given or cannot be given in full to any deduction falling to be made to the investment holding company under this section for that year, that deduction which has not been so made shall not be made to the investment holding company for any subsequent year of assessment.

(2) In this section—

"investment holding company" means a company whose activities consist wholly in the making of investments and whose income is derived therefrom;

"permitted expenses" means expenses incurred by an investment holding company in respect of—

- (a) directors' fees;
- (b) wages, salaries and allowances;
- (c) management fees;
- (d) secretarial, audit and accounting fees, telephone charges, printing and stationery costs and postage; and
- (e) rent and other expenses incidental to the maintenance of an office,

which are not deductible under section 33(1)."

Pindaan
seksyen 108.

6. Seksyen 108 Akta itu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan, selepas subseksyen (2A), subseksyen yang berikut:

"(2B) Notwithstanding any other provision of this Act, where a dividend is paid, credited or distributed with or without deduction of tax during the basis year for the year of assessment 1993, the amount of the dividend received by the shareholder shall be deemed to be a dividend of such a gross amount as after deduction of tax at the rate of thirty-four per cent would be equal to—

- (a) the amount in fact paid or credited; or
- (b) where the dividend consists of property other than money, the

amount of the market value of that property at the time of the dividend's distribution,

and a sum equal to the difference between that gross amount and the amount mentioned in paragraph (a) or (b), as the case may be, shall be deemed to have been deducted from the dividend as tax.";

(b) dengan menggantikan subseksyen (4A) dengan subseksyen yang berikut:

"(4A) In any case where tax has been deducted or deemed to have been deducted at the rate of forty per cent on any dividend paid, credited or distributed during the basis year for the year of assessment 1989 to which subsection (2A) applies, the compared total shall be determined at the rate of thirty-five per cent."; dan

(c) dengan memasukkan, selepas subseksyen (4A), subseksyen yang berikut:

"(4B) in any case where tax has been deducted or deemed to have been deducted at the rate of thirty-five per cent on any dividend paid, credited or distributed during the basis year for the year of assessment 1993 to which subsection (2B) applies, the compared total shall be determined at the rate of thirty-four per cent.".

7. Seksyen 109 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas angka "33" dalam subseksyen (1), perkataan dan angka "or 35". Pindaan seksyen 109.

8. Seksyen 110 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas subseksyen (1A), subseksyen yang berikut: Pindaan seksyen 110.

"(1B) Notwithstanding subsection (1), where tax on any dividend paid, credited or distributed during

the basis year for the year of assessment 1993 has been-deducted at the rate of thirty-five per cent, the tax to be set off under subsection (1) shall be the sum deemed to be the tax deducted from such dividend under section 108(2B).".

Pindaan
Jadual 1

9. Jadual 1 kepada Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan kadar-kadar dalam perenggan 1 Bahagian I dengan kadar-kadar yang berikut:

<i>"Chargeable Income</i>	<i>Rate of Income Tax</i>
For every ringgit of the first \$2,500	2 per cent
For every ringgit of the next \$2,500	5 per cent
For every ringgit of the next \$5,000	8 per cent
For every ringgit of the next \$10,000	10 per cent
For every ringgit of the next \$15,000	15 per cent
For every ringgit of the next \$15,000	21 per cent
For every ringgit of the next \$20,000	26 per cent
For every ringgit of the next \$30,000	31 per cent
For every ringgit exceeding \$100,000	34 per cent

(b) dengan menggantikan angka "35" yang terdapat dalam perenggan 2 Bahagian I dengan angka "34";

(c) dengan menggantikan kadar-kadar dalam Bahagian IV dengan kadar-kadar yang berikut:

<i>"Chargeable Income</i>	<i>Rate of Income Tax</i>
For every ringgit of the first \$10,000	2 per cent
For every ringgit of the next \$10,000	4 per cent
For every ringgit of the next \$10,000	7 per cent
For every ringgit of the next \$10,000	10 per cent
For every ringgit of the next \$10,000	13 per cent
For every ringgit of the next \$25,000	17 per cent
For every ringgit of the next \$25,000	22 per cent
For every ringgit of the next \$50,000	26 per cent
For every ringgit of the next \$100,000	29 per cent
For every ringgit of the next \$250,000	32 per cent
For every ringgit exceeding \$500,000	34 per cent

10. Jadual 6 kepada Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
Jadual 6.

(a) dalam perenggan 25A, dengan memasukkan, selepas perkataan "gratuity", perkataan-perkataan "or by way of payment in lieu of leave";

(b) dalam perenggan 35—

(i) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan (b) dengan tanda baca dan perkataan "; or"; dan

- (ii) dengan memasukkan, selepas subperenggan (*b*), subperenggan yang berikut:

"(c) in respect of bonds, other than convertible loan stock, issued by a company rated by Rating Agency Malaysia Berhad."

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Setem 1949.

11. Bab ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1993.

Pindaan seksyen 9

12. (1) Seksyen 9 Akta Setem 1949, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda, dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perenggan (*c*) dengan perenggan yang berikut:

"(c) that the said banker, stockbroker or insurer do pay on the 1st day of January and the 1st day of July in each year to the Collector the amount due and collected thereon as duties on such unstamped cheques, contract notes or policies of insurance, and where he fails to pay the amount due on each date specified or within eight days immediately thereafter, he shall in addition to the amount due pay a further amount of five hundred ringgit or ten per centum of the amount due whichever is the greater and any amount due shall be recoverable as a debt due to the Government;"

(2) Seseorang jurubank, broker saham atau penanggung insurans yang diberikuasa di bawah subseksyen (1) seksyen 9 Akta ibu sebelum 1hb Januari 1993 hendaklah, mulai dari tarikh itu, menjadi tertakluk kepada syarat-syarat dalam subseksyen itu sebagaimana yang dipinda oleh subseksyen (1) seksyen ini.

13. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 12A dengan seksyen yang berikut: Penggantian seksyen 12A.

"Assessment of the value of property under transfer or settlement. 12A. Where an instrument is chargeable with duty under Item 32(a) of the First Schedule, the date for determining the market value of any property being transferred, settled or giited shall be—

- (a) in the case of a settlement or gift, the date of execution of the instrument of trust or settlement or gift; or
- (b) in the case of a transfer implementing a sale under a duly stamped agreement of sale and purchase, the date of execution of that agreement; or
- (c) in the case of a transfer of any property granted by a statutory body, a local authority or any co-operative society registered under any laws relating to co-operative societies, the date when the final terms of transfer had been communicated to the transferee, and in the case of subsequent resale of that property, the date of consent by the statutory body or local authority or the board of the co-operative society for that resale; or
- (d) in the case of a transfer under a duly stamped sale and purchase agreement where financial arrangements have been made in accordance with the Syariah, the date of execution of that agreement; or
- (e) in any other case, the date of execution of the instrument of transfer."

Pindaan
Jadual
Pertama.

14. Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan peruntukan-peruntukan dalam rua.ng ketiga bagi Butiran 32(a) dengan peruntukan-peruntukan yang berikut:

"For every \$100 or fractional part of \$100 of the amount of the money value of the consideration or the market value of the property, whichever is the greater—

- (i) \$1.00 on the first \$100,000;
- (ii) \$2.00 on any amount in excess of \$100,000 but not exceeding \$500,000;
- (iii) \$3.00 on any amount in excess of \$500,000 but not exceeding \$2,000,000;
- (iv) \$4.00 on any amount in excess of \$2,000,000."

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 1991

Pindaan
seksyen 3.

15. (1) Seksyen 3 Akta Kewangan 1991 adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan, selepas angka dan tanda baca "7," dalam subseksyen (1), angka dan tanda baca "8,"; dan
- (b) dengan memasukkan, selepas angka dan tanda baca "7," dalam subseksyen (3), angka dan tanda baca "8,".

(2) Pindaan dalam perenggan (a) dan (b) subseksyen (1) hendaklah masing-masingnya berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1991 and 1992.

BAB V

PEMANSUHAN DAN KECUALIAN AKTA CUKAI PENDAPATAN TAMBAHAN 1967

16. (1) Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967 adalah dimansuhkan mulai tahun taksiran 1993.

Pemansuhan dan kecualian Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967.

(2) Pemansuhan Akta yang tersebut dalam subseksyen (1) tidaklah menyentuh kuatkuasanya bagi mana-mana tahun taksiran sebelum tahun taksiran 1993.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Kewangan 1991 dan Akta Setem 1949 dan memansuhkan Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967.

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

2. *Fasal 4* bertujuan memasukkan perenggan baru (*f*) ke dalam seksyen 34(6) untuk membenarkan potongan bagi perbelanjaan berkenaan dengan penterjemahan ke dalam atau penerbitan dalam bahasa kebangsaan buku-buku kebudayaan, kesusasteraan, profesional, sains dan teknik yang diluluskan. Pindaan ini akan berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1994.

3. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 60p yang membenarkan sebagai potongan suatu bahagian tertentu daripada perbelanjaan-perbelanjaan pentadbiran yang dilakukan oleh sesuatu syarikat pemegang pelaburan yang pada lazimnya tidak akan dibenarkan bagi maksud cukai. Amaun yang boleh dipotong adalah selanjutnya dihadkan kepada jumlah maksimum 5 peratus daripada jumlah pendapatan kasar yang merangkumi dividen, bunga dan sewa. Bagaimanapun, apa-apa perbelanjaan yang tidak dapat ditolak tidak akan dibenarkan dibawa ke hadapan ke tahun taksiran yang berikutnya. Pindaan ini akan berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1993.

4. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 108. Di bawah peruntukan yang dipinda, cukai pada kadar 34 peratus akan disifatkan telah dipotong daripada dividen yang diterima oleh pemegang-pemegang syer dalam tahun 1992, sementara potongan cukai berkenaan dengan dividen yang dibayar oleh syarikat dalam tahun 1992 bagi maksud seksyen 108(4) adalah pada kadar 34 peratus. Pindaan ini akan berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1993.

5. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 109 untuk mengetepikan keperluan mengenakan cukai pegangan ke atas bunga daripada bon oleh kerana bunga yang diterima oleh individu adalah dikecualikan daripada cukai di bawah perenggan 35 Jadual 6. Pindaan ini akan disifatkan telah mula berkuatkuasa dari 30hb Oktober 1992.
6. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 110 untuk memperuntukkan bahawa cukai yang boleh dipotong daripada dividen dalam tahun 1992 yang akan dibenarkan ditolak oleh pemegang syer bagi tahun laksanakan 1993 adalah disifatkan cukai pada kadar 34 peratus. Pindaan ini akan berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1993.
7. *Fasal 9* bertujuan meminda kadar-kadar cukai bagi individu dalam Bahagian I Jadual 1 kepada Akta. Kadar-kadar yang ada sekarang bagi individu yang bermastautin ialah dari 4 hingga 35 peratus. Kadar-kadar yang dicadangkan ialah dari 2 hingga 34 peratus. *Fasal* ini juga bertujuan meminda kadar cukai bagi syarikat-syarikat, orang-orang bukan pemastautin, badan-badan amanah, wasi-wasi (dalam hal orang-orang mati yang berdomisil di luar Malaysia pada masa kematiannya) dan penerima-penerima, dalam Bahagian 1 Jadual 1, daripada 35 kepada 34 peratus. *Fasal* ini selanjutnya bertujuan mengurangkan kadar cukai bagi koperasi dalam Bahagian IV Jadual 1. Pindaan-pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1993.
8. *Fasal 10* bertujuan meminda perenggan 25A Jadual 6. Dengan pindaan ini, bayaran wang tunai sebagai ganti cuti rehat yang dibayar daripada wang awam semasa persaraan akan terkecuali daripada cukai. *Fasal* ini juga bertujuan meminda perenggan 35(c) Jadual 6 untuk mengecualikan individu daripada cukai atas bunga yang diterima daripada bon, selain daripada saham pinjaman boleh tukar, yang dikeluarkan oleh mana-mana syarikat yang ditarafkan oleh Rating Agency Malaysia Berhad. Pindaan-pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1993.
9. Semua pindaan lain dalam Bab ini adalah kecil atau berbangkit.

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

10. *Fasal 12* bertujuan meminda peruntukan yang sedia ada di bawah seksyen 9 untuk memastikan pematuhan yang lebih baik berkenaan dengan tempoh untuk menyelesaikan amaun yang kena dibayar kepada Pemungut oleh jurubank, broker saham atau penanggung insurans yang diberikuasa. Pindaan ini akan disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb-Januari 1993.

11. *Fasal 13* bertujuan meminda seksyen 12A untuk menetapkan tarikh nilai pasaran bagi harta yang dipindahmilik sebagai hadiah, penyelesaian atau jualan hendaklah ditentukan. Pindaan ini akan disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1993.

12. *Fasal 14* bertujuan menaikkan kadar duti atas suratcara pindahmilik yang dikenakan di bawah Butiran 32(a) Jadual Pertama bagi harta yang nilainya melebihi \$500.000. Pindaan ini akan disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1993.

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 1991

13. *Fasal 15* bertujuan meminda seksyen 3 Akta Kewangan 1991 untuk menjadikan seksyen 8 Akta itu berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1992.

BAB V

PEMANSUHAN DAN KECUALIAN AKTA CUKAI PENDAPATAN TAMBAHAN 1967

14. *Fasal 16* bertujuan memansuhkan Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, dan dengan itu menghapuskan cukai pembangunan, mulai dari tahun taksiran 1993. Pemansuhan ini, bagaimanapun, tidak akan menyentuh kuatkuasa Akta itu sebelum tahun taksiran 1993.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U2) 1735.]